



SIARAN MEDIA JABATAN PERDANA MENTERI JABATAN AUDIT NEGARA

KETUA AUDIT NEGARA TERIMA PENGIKTIRAFAN TERTINGGI DUNIA ANTIFRAUD: DONALD R. CRESSEY AWARD 2026

UNTUK SIARAN SEGERA

BOSTON, 15 Julai 2026 – Malaysia mencatat satu lagi pencapaian penting di persada antarabangsa apabila YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara, diumumkan sebagai penerima Donald R. Cressey Award 2026, pengiktirafan tertinggi yang dianugerahkan oleh Association of Certified Fraud Examiners (ACFE), organisasi profesional anti-fraud terbesar dunia.

Pengiktirafan berprestij antarabangsa dalam bidang anti-fraud dan tadbir urus yang diperkenalkan sejak tahun 1989 tersebut merupakan satu pencapaian julung kali bagi Malaysia. YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi merupakan penerima pertama dari rantau ASEAN dan kedua dari rantau Asia bagi anugerah tersebut. Beliau juga merupakan Ketua Audit Negara pertama di dunia yang menerima anugerah tersebut sejak ia diperkenalkan 37 tahun lalu.

Anugerah tersebut disampaikan semasa 37th Annual ACFE Global Fraud Conference di Boston, Massachusetts, Amerika Syarikat baru-baru ini. Persidangan berkenaan telah menghimpunkan lebih 5,000 profesional anti fraud dari seluruh dunia, merangkumi sektor awam dan swasta.

Pengiktirafan ini bukan sahaja mengangkat nama Malaysia di pentas antarabangsa, malah mencerminkan keyakinan antarabangsa terhadap komitmen negara dalam memperkukuh tadbir urus, integriti, ketelusan dan akauntabiliti sektor awam, khususnya melalui peranan audit yang bebas, berwibawa dan berimpak.

Presiden ACFE, John Gill, J.D., CFE berkata “Her Excellency Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi embodies the high standards of excellence and integrity that are synonymous with the Cressey Award. She serves as a beacon of innovation and integrity across the Asia-Pacific region and beyond. The ACFE is honored to recognize her impact and highlight her innovative approaches to audit and fraud risk management that have improved transparency and trust across Malaysia and the region's public sector.”

Jabatan Audit Negara (JAN) telah melaksanakan pelbagai pembaharuan termasuk pindaan Akta Audit 1957 pada tahun 2024, memperkukuh pendekatan audit berasaskan data melalui Pendigitalan Perkhidmatan JAN (PPJ), penggunaan kecerdasan buatan (AI) dan analitik data raya, serta memperkasakan Papan Pemuka Ketua Audit Negara (Auditor General's Dashboard – AGD) sebagai instrumen pemantauan susulan audit secara masa nyata.

Reformasi ini telah mengubah peranan audit daripada sekadar mengenal pasti kelemahan kepada memastikan tindakan pembetulan dilaksanakan, memperkukuh tadbir urus, melindungi wang awam dan meningkatkan akauntabiliti secara berterusan. Pengiktirafan Donald R. Cressey Award 2026 membuktikan bahawa pembaharuan yang diterajui Malaysia kini menjadi rujukan dan mendapat pengiktirafan komuniti anti-fraud antarabangsa.

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Audit Negara

